

**Soalan Lazim**

**1. Saya menerima SMS mengenai pertukaran ke e-Penyata melalui CIMB Clicks. Apa maksudnya dan adakah saya perlu melakukan apa-apa?**

SMS tersebut adalah jemputan untuk anda memilih e-Penyata kad kredit. Sebaik sahaja anda memilih e-Penyata, berkuat kuasa 17 Mac 2025 penyata kad kredit bulanan anda akan disediakan untuk dimuat turun melalui CIMB Clicks ([www.cimbclicks.com.my](http://www.cimbclicks.com.my)). Bank akan berhenti menghantar penyata kertas ke alamat surat-menjurut anda.

Sekiranya anda berminat untuk menerima penyata kad kredit bulanan anda melalui CIMB Clicks ([www.cimbclicks.com.my](http://www.cimbclicks.com.my)), anda hanya perlu mengirim SMS *ES <jarak> 4 digit terakhir IC / Kad Pengenalan* ke 62886 sebelum 13 Mac 2025. Contoh jika 4 digit terakhir nombor IC anda ialah 1234, anda hanya perlu SMS *ES 1234* ke 62886.

**2. Apakah akan berlaku jika saya tidak memberikan maklum balas kepada SMS?**

Jika anda tidak membalas SMS, anda akan terus menerima penyata kertas ke alamat surat-menjurut anda seperti biasa.

**3. Saya tidak mengemas kini alamat e-mel saya dengan Bank. Bagaimanakah saya boleh mengemas kini alamat e-mel saya?**

Anda boleh mengemas kini alamat e-mel anda sama ada dengan:

- Memuat turun borang Penyelenggaraan Kad Kredit dari laman web kami (Klik di [sini](#) untuk memuat turun) dan e-mel borang yang lengkap ke [contactus@cimb.com](mailto:contactus@cimb.com) atau
- Hubungi Pusat Panggilan Pengguna di 603-6204 7788 atau
- Kunjungi mana-mana Cawangan CIMB.

**4. Saya menerima SMS mengenai pertukaran ke e-Penyata melalui e-mel . Apa maksudnya dan adakah saya perlu melakukan apa-apa?**

SMS adalah jemputan untuk anda memilih e-Penyata kad kredit. Sebaik sahaja anda memilih e-Penyata, berkuat kuasa 17 Mac 2025 penyata kad kredit bulanan anda akan dihantar kepada anda melalui alamat e-mel anda yang berdaftar dengan Bank. Bank akan berhenti menghantar penyata kertas ke alamat surat-menjurut anda.

Sekiranya anda berminat untuk menerima penyata kad kredit bulanan anda melalui e-mel, anda hanya perlu mengirim SMS *ES <jarak> IC 4 digit terakhir ke 62886* sebelum 13 Mac 2025. Contoh jika 4 digit terakhir nombor IC anda ialah 1234, anda hanya perlu SMS *ES 1234* ke 62886.

## Kempen ePenyata Kad Kredit 2025

### 5. Saya tidak dimaklumkan / tidak menerima sebarang SMS berkenaan pertukaran kepada e-Penyata.

Kami telah memaklumkan kepada semua pelanggan kami melalui SMS ke nombor telefon bimbit mereka yang berdaftar dengan Bank.

Ada kemungkinan nombor telefon bimbit anda belum dikemas kini dalam rekod kami.

Anda boleh mengemas kini nombor telefon bimbit anda sama ada dengan:

- Memuat turun borang penyelenggaraan kad kredit dari laman web kami (klik di [sini](#) untuk memuat turun) dan e-mel borang yang telah lengkap diisi ke [contactus@cimb.com](mailto:contactus@cimb.com) atau
- Hubungi Pusat Panggilan Pengguna di 603-6204 7788 atau
- Kunjungi mana-mana Cawangan CIMB

### 6. Bagaimakah boleh saya lihat e-Penyata kad kredit saya melalui CIMB Clicks?

Anda boleh melihat e-Penyata kad kredit anda sama ada melalui "My Account" atau "Services".

#### Melihat dari My Account di laman web Clicks

Langkah 1: Log masuk ke CIMB Clicks [www.cimbclicks.com.my](http://www.cimbclicks.com.my) melalui pelayar laman web

Langkah 2: Pergi ke 'My Account' > Klik pada 'three dots button' di sudut kanan atas > Klik pada 'View/Download eStatement'

Langkah 3: Pilih bulan pilihan

Langkah 4: Klik pada butang Muat Turun > Klik Muat Turun sebagai PDF

#### Melihat dari Services di laman web Clicks

Langkah 1: Log masuk ke CIMB Clicks [www.cimbclicks.com.my](http://www.cimbclicks.com.my) melalui pelayar laman web

Langkah 2: Pergi ke 'Services' > 'eStatements' > Klik pada 'View eStatement'

Langkah 3: Pilih bulan pilihan

Langkah 4: Klik pada butang Muat Turun > Klik Muat Turun sebagai PDF

### 7. Saya tidak dapat melihat penyata kad kredit saya pada CIMB Clicks melalui pelayar laman web, apakah yang perlu saya lakukan?

Anda perlu memautkan kad kredit anda kepada CIMB Clicks sebelum anda dapat melihat e-Penyata kad kredit bulanan anda di CIMB Clicks. Setelah anda memautkan, butiran kad kredit dan penyata anda akan tersedia dalam CIMB Clicks dalam masa 2 hari bekerja.

Langkah 1: Log masuk ke CIMB Clicks [www.cimbclicks.com.my](http://www.cimbclicks.com.my) melalui pelayar laman web

Langkah 2: Pergi ke 'Services' > 'Account Maintenance' > 'Credit Card' > Pautkan Kad Kredit ke ID CIMB Clicks

Langkah 3: Isikan nombor kad kredit 16 angka anda dan pilih ID Pengguna CIMB Clicks anda

Langkah 4: Klik 'Submit' dan minta TAC untuk penghantaran anda

## Kempen ePenyata Kad Kredit 2025

Sebagai alternatif, anda juga boleh merujuk kepada video tutorial singkat di bawah mengenai cara memautkan kad kredit anda ke CIMB Clicks: <https://www.youtube.com/watch?v=1pSjgucopOg>

Kad kredit anda akan dicerminkan dalam CIMB Clicks dalam 2 hari bekerja, hanya terpakai kepada pemegang kad utama.

### 8. Bolehkah saya bertukar kembali kepada menerima penyata cetakan ke alamat surat-menyurat selepas 17 Mac 2025?

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan kami untuk mendigitalkan penyampaian perkhidmatan kami dan mengurangkan penggunaan kertas, kami menggalakkan pelanggan kami untuk menerima pakai e-Penyata.

Walau bagaimanapun, jika anda lebih suka menerima penyata kad kredit anda melalui mel, sila:

- Memuat turun borang penyelenggaraan kad kredit dari laman web kami (klik di [sini](#) untuk memuat turun) dan e-mel borang yang telah lengkap diisi ke [contactus@cimb.com](mailto:contactus@cimb.com) atau
- Hubungi Pusat Panggilan Pengguna di 603-6204 7788 atau
- Kunjungi mana-mana Cawangan CIMB

Sila ambil perhatian bahawa terdapat Fi Penyata RM2 setiap penyata kertas setiap bulan dan akan dicaj ke akaun kad kredit anda.

### 9. Adakah terdapat Fi Penyata sekiranya saya pilih untuk menerima penyata kertas?

Ya, Fi Penyata RM2 setiap penyata kertas setiap bulan akan dicaj ke akaun kad kredit anda.

Fi Penyata RM2 tidak akan terpakai untuk kumpulan pemegang kad berikut:

- Pemegang kad berumur 65 tahun dan ke atas
- Pemegang kad yang mempunyai kemampuan yang berbeza\*
- Pemegang kad yang menghadapi kesukaran untuk mengakses penyata perbankan dalam talian mereka (cth terletak di kawasan luar bandar tanpa internet)\*
- Pelanggan CIMB Preferred

\*Pemegang Kad diminta untuk melengkapkan pengisytiharan diri di mana-mana Cawangan CIMB

### 10. Adakah tarikh akhir pembayaran saya akan berubah?

Tarikh akhir pembayaran anda tetap sama.

**11. Bagaimana saya boleh mendaftar sebagai pengguna CIMB Clicks?**

Pertama, anda perlu mempunyai Akaun Semasa atau Akaun Simpanan dengan CIMB Bank. Kemudian, cipta e-PIN Perbankan Internet anda di mana-mana ATM CIMB. Log masuk ke [www.cimbclicks.com.my](http://www.cimbclicks.com.my) dan daftar secara dalam talian.

**12. Saya perasan bahawa penyata kad kredit bulanan saya telah ditukar daripada e-Penyata kepada penyata kertas. Mengapakah hal ini berlaku? Adakah terdapat sebarang Fi Penyata?**

Ia adalah proses automatik yang berlaku apabila e-mel melantun (gagal untuk dihantar) selepas beberapa kali percubaan selama beberapa hari. Melangkah ke hadapan, penyata kad kredit bulanan anda akan ditukar kepada penyata kertas dan dihantar kepada anda melalui mel pos.

Fi Penyata RM2 sebulan akan dikenakan dan dicaj ke akaun kad kredit anda.

**13. Bolehkah saya bertukar kembali kepada e-Penyata selepas ia ditukar kepada penyata kertas?**

Ya. Anda boleh membuat penukaran kembali kepada e-Penyata dengan:

- Memuat turun borang penyelenggaraan kad kredit dari laman web kami (klik di [sini](#) untuk memuat turun) dan e-mel borang yang telah lengkap diisi ke [contactus@cimb.com](mailto:contactus@cimb.com); atau
- Hubungi Pusat Panggilan Pengguna di 603-6204 7788; atau
- Kunjungi mana-mana Cawangan CIMB

**14. Bagaimanakah saya tahu jika e-Penyata tidak sampai ke alamat e-mel berdaftar saya? Adakah saya akan menerima notifikasi mengenainya?**

Ya. Jika e-Penyata anda tidak berjaya dihantar selepas 3 percubaan, anda akan dimaklumkan melalui SMS.

Nota: Penghantaran SMS bergantung kepada servis dan kestabilan sambungan penyedia perkhidmatan telekomunikasi anda.

**15. Bagaimanakah cara untuk saya menghalang lantunan e-mel?**

Untuk mengelakkan e-mel melantun, anda boleh mempertimbangkan sebab dan penyelesaian biasa berikut:

- Sila pastikan alamat e-mel anda adalah sah.
- Elakkan penggunaan IP penghantar yang disekat.
- Semak sama ada e-mel disekat oleh pelayan.
- Tunggu sehingga pelayan tidak terlebih muatan.
- Pastikan peti masuk anda tidak penuh.
- Berhati-hati dengan set balasan automatik.